



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/10/70 (HQ)

KENAIKAN 103% PELANGGAN MEMILIH myTNB UNTUK MELAKUKAN URUSAN TNB

Semakin ramai pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melakukan transformasi digital dengan melakukan urusan melalui portal dan aplikasi myTNB, dengan lebih 4.6 juta akaun pelanggan berdaftar sehingga 13 Oktober 2020.

Jumlah akaun pendaftaran myTNB itu mencatatkan peningkatan memberangsangkan sebanyak 102.9 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020.

Aplikasi myTNB boleh dimuat turun di Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery manakala portal myTNB boleh dilayari di www.mytnb.com.my.

Melalui aplikasi dan portal myTNB, pelanggan boleh:

- Menyemak bil elektrik bagi kesemua akaun milik pelanggan;
- Menambah dan mengurus akaun milik orang tersayang seperti ibu bapa di kampung;
- Mengenalpasti jumlah penggunaan elektrik secara bulanan;
- Melihat sejarah penggunaan elektrik;
- Membayar bil elektrik dengan mudah;
- Menyampaikan maklum balas berkenaan bil elektrik secara dalam talian.

Malah, bagi lebih 600,000 pengguna Meter Pintar di Lembah Klang dan Melaka, mereka boleh memantau penggunaan elektrik secara harian melalui portal atau aplikasi myTNB, seterusnya memberi kuasa kepada pelanggan untuk mengurus penggunaan elektrik terutamanya ketika berada di rumah bagi mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

“Kemudahan untuk melakukan urusan pembayaran melalui portal dan aplikasi myTNB amat berguna ketika ini apabila beberapa negeri di Semenanjung berada di bawah PKPB,” kata Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

“Dengan itu, pelanggan tidak perlu bersusah-payah keluar dan beratur di kaunter atau kios untuk membayar bil elektrik mereka, lebih-lebih lagi sewaktu penularan semula wabak COVID-19 kini.”

Aplikasi myTNB telah melalui pelbagai penambahbaikan dan pelanggan kini boleh memilih Bahasa pengantaraan iaitu Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Dalam satu kempen bermula 12 Oktober 2020 sehingga 9 Disember 2020, pelanggan yang membayar bil elektrik mereka menerusi aplikasi myTNB berpeluang memenangi telefon mudah alih Huawei P40 Pro. Untuk menyertai pertandingan Bayar & Menang Huawei P40 Pro, pelanggan hanya perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- I. Muat turun aplikasi myTNB dari Apple Store, Google PlayStore atau Huawei AppGallery
- II. Menambah akaun TNB ke dalam aplikasi myTNB
- III. Membuat pembayaran penuh bagi bil TNB di bawah akaun TNB yang dinyatakan menerusi aplikasi myTNB

Untuk pengguna kali pertama, selepas memuat turun aplikasi myTNB, mereka perlu menambah akaun dan membuat pembayaran melalui aplikasi untuk berpeluang memenangi hadiah Huawei P40 Pro. Maklumat lanjut boleh didapati di portal dan aplikasi myTNB.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai bil atau perkhidmatan yang disediakan TNB, hubungi 1-300-88-5454 atau emel tnbcareline@tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2020, jam 11:45 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401
atau emel kami: media@tnb.com.my*



**BAYAR &
MENANG**

HUAWEI P40 PRO

Lakukan pembayaran
bil TNB melalui Aplikasi
myTNB & berpeluang
untuk memenangi
telefon pintar baharu
Huawei P40 Pro!

Hanya melalui
Aplikasi myTNB

 Muat turun pada
App Store

 DAPATKAN DI
Google Play

 TEROKAI MELALUI
AppGallery

LAYARI
www.mytnb.com.my/promotions

UNTUK KETAHUI LEBIH LANJUT

Pelanggan TNB yang membayar bil elektrik menerusi aplikasi myTNB dari 12 Oktober hingga 9 Disember 2020 berpeluang untuk memenangi telefon Huawei P40 Pro melalui kempenn Bayar dan Menang Huawei P40 Pro.